

# 474 graduan UCAM dirai

NOOR HAYATI MAMAT

SERDANG

**S**eramai 474 graduan pelbagai peringkat pengajian menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) kali ke-18 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Penyampaian skrol kepada graduan ijazah sarjana, ijazah sarjana muda, diploma dan sijil itu disempurnakan oleh Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda), Rosely Kusip dan penerima teramai terdiri daripada graduan Program Pertanian dan Perladangan dari Fakulti Agrosains iaitu seramai 353 orang yang mewakili 74.5 peratus.

UCAM turut mencipta sejarah kerana konvokesyen kali

ini merupakan tahun pertama penganugerahan ijazah sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma bagi beberapa program seperti Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA), Sarjana Muda Sains Pertanian (BAS) dan Diploma Pembangunan Luar Bandar (DPLB).

Majlis itu turut dihadiri Ketua Pengarah Risda, Datuk Wan Ahmad Shabri Zainuddin Wan Mohamad; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) Risda, Abdullah Zainal@Deraman dan Ketua Eksekutif UCAM, Faizatul Akmar Hisan.

Rosely berkata, bermula pada tahun 1999, UCAM yang merupakan satu-satunya institut pengajian tinggi swasta (IPTS) milik Risda berteraskan pertanian sehingga kini telah melahirkan seramai 10,019 graduan dalam pelbagai bidang.

"Tahun ini, sebanyak 67 peratus penuntut UCAM dari luar bandar dengan pecahan 12 pe-

ratus adalah anak pekebun kecil dan selebihnya iaitu 33 peratus dari kawasan bandar.

"UCAM yang berperanan menjalankan aktiviti latihan pengurusan dan teknikal bukan hanya kepada pekebun kecil, malah turut berbakti kepada anak-anak golongan berkenaan.

"UCAM juga menepati sasaran nasional yang menetapkan sebanyak 80 peratus graduan harus mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian," katanya.

Pada majlis konvokesyen itu, anak bekas tukang-kebun dari Muar, Johor dinobatkan sebagai penerima Anugerah Graduan Keseluruhan Terbaik.

Muhammad Aqil Aqmar Md Ahad, 21, mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.82 bagi program Diploma Perniagaantani selain penerima Anugerah Naib Canselor dengan Kepujian Dekan dalam



Rosely (kiri) menyampaikan anugerah Graduan Keseluruhan Terbaik kepada Muhammad Aqil Aqmar yang diiringi ibu bapanya ketika Majlis Konvokesyen UCAM ke-18 di Serdang semalam.

semua enam semester.

Anak kedua daripada empat beradik itu berkata, kesusahan hidup yang dilaluinya memberikan kekuatan untuk dia belajar bersungguh-sungguh.

Jelasnya, dia juga nekad menebus kekecewaan dalam pepe-

riksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) apabila hanya mendapat keputusan tahap sederhana.

Katanya lagi, bapanya, Md Ahad Sadiman, 56, dan ibu, Masliza Mustaffa, 53, adalah kekuatan sebenar untuknya melakukan yang terbaik.

FOTO: ROSLI TALIB